

## Meneroka Penggunaan Rokok Elektronik Dalam Kalangan Pelajar Di SMK Muadzam Jaya

*Exploring the Use of Electronic Cigarette Among Student at SMK Muadzam Jaya*

Nur Ayu Mellissa Abd Rashid  
<sup>1</sup>Nur Saadah Mohamad Aun

Program Kerja Sosial  
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: <sup>1</sup>n\_saadah@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Penggunaan rokok elektronik telah menjadi norma terkini di Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia mendefinisikan rokok elektronik merupakan peranti elektronik yang mengandungi nikotin manakala yang tidak mengandungi nikotin dirujuk sebagai vape. Penggunaan rokok elektronik sebagai pengganti rokok konvensional semakin berleluasa terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Justeru, perkara ini bukan perkara yang perlu diabaikan dan dibiarkan oleh pihak ibu bapa dan guru. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji faktor penggunaan rokok elektronik dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Muadzam Jaya, Pahang. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual separa berstruktur. Seramai tiga orang informan yang terdiri daripada pelajar tingkatan telah ditemu bual. Data bagi kajian ini dianalisis meliputi penerokaan penggunaan rokok elektronik dalam kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak faktor yang menyebabkan penglibatan pelajar dalam penggunaan rokok elektronik. Dalam konteks ini, penglibatan pelajar dalam penggunaan rokok elektronik juga sama dengan tingkah laku merokok iaitu aktiviti negatif yang memberi kesan bukan sahaja terhadap individu, malah keluarga dan masyarakat.*

**Kata kunci:** Rokok Elektronik, Pelajar, Sekolah Menengah, Kualitatif

### ABSTRACT

*In Malaysia nowadays, using electronic cigarettes has become the norm. Electronic cigarettes are defined by the Malaysian Ministry of Health as electronic products that contain nicotine, while vaping refers to products without nicotine. More people are switching to electronic cigarettes as an alternative to traditional cigarettes, particularly among school students. Because of this, parents and teachers should not disregard it. This study was done to find out factors that influence students at Muadzam Jaya National Secondary School in Pahang to use electronic cigarettes. The study designed for this research was qualitative, which employs semi-structured interviews. Three informants among Form 4 students were interviewed. The analysis of data included in exploring the usage of electronic cigarettes among students . According to the findings, a variety of factors influence students' use of electronic cigarettes. In this context, student involvement in the use of electronic cigarettes is comparable to student smoking, which is a negative behaviour that has an impact on not only the person but also the family and society.*

**Keywords:** Electronic Cigarette, Student, Secondary School, Qualitative

## 1. Pengenalan

Aktiviti merokok ditakrifkan sebagai perbuatan menghisap sesuatu bahan berbentuk silinder kecil yang mengandungi karbon monoksida, nikotin, tar dan bahan-bahan yang boleh membahayakan kesihatan kepada perokok (Roziah & Sivamurugan 2005). Kini, penggunaan rokok elektronik sebagai pengganti rokok kovensional semakin berleluasa terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Kementerian Kesihatan Malaysia (2015) mendefinisikan rokok elektronik sebagai peranti elektronik yang mengandungi nikotin. Rokok elektronik atau *vape* sudah mula dipasarkan di *United States* bermula tahun 2012 (Sutfin et al. 2013). Sebagaimana yang dikatakan oleh Primack et al. (2015), rokok elektronik juga membuka laluan kepada golongan kanak-kanak dan remaja untuk memulakan tabiat merokok. Jadi ianya bukan satu perkara yang perlu diabaikan dan dibiarkan.

Di Malaysia, rokok elektronik dan *vape* ini mula dikenali dan menjadi popular pada tahun 2015. Kira-kira 300,00 pelajar sekolah di seluruh negara didapati terjebak dengan penggunaan rokok elektronik atau lebih dikenali sebagai ‘*vape*’ (Tecma 2016). Penggunaan rokok elektronik meningkatkan risiko golongan bukan perokok menjadi golongan perokok. Hal ini terbukti dalam kajian Bunnell et al. (2015) bahawa remaja yang menggunakan rokok elektronik berisiko untuk bertukar kepada tabiat merokok jika dibandingkan dengan remaja yang tidak merokok. Tambahan pula, pelajar sememangnya mudah terikut dan terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti yang tidak biasa dilakukan.

Menurut kajian daripada *United States Department of Health and Human Services* (2016), data terkini yang tersedia menunjukkan kekerapan penggunaan rokok elektronik dalam 30 hari adalah sama dalam kalangan pelajar sekolah menengah iaitu 16 peratus pada tahun 2015, 13.4 peratus pada tahun 2014 dan golongan dewasa yang berumur 18 hingga 24 tahun iaitu 13.6 peratus pada tahun 2013 hingga 2014. Selain itu, penggunaan rokok elektronik sangat dikaitkan dengan penggunaan produk tembakau lain dalam kalangan belia dan orang dewasa terutamanya penggunaan produk tembakau mudah terbakar. Pada tahun 2015, 58.8 peratus daripada pelajar sekolah merupakan pengguna produk tembakau mudah terbakar dan juga merupakan pengguna rokok elektronik Kementerian Kesihatan Malaysia (2016) mendefinisikan rokok elektronik merupakan alat yang menggunakan kuasa elektronik untuk menyalurkan aerosol atau wap hasil dari pemanasan satu cecair untuk dihisap oleh pengguna. Rokok elektronik generasi baru lebih dikenali sebagai *vape*. Penggunaan *vape* merupakan salah satu inisiatif sebagai pengganti rokok konvensional.

Kegiatan ‘vaping’ telah menjadi trend dalam kalangan pengguna rokok sebagai alternatif untuk mereka berhenti merokok. Mereka yang menggunakan rokok elektronik menunjukkan kesukaran mereka untuk menghentikan tabiat merokok akibat kebergantungan kepada nikotin. (Delmy et al. 2015). Stigma bahawa rokok elektronik adalah kurang berbahaya berbanding rokok menyebabkan pelajar cenderung untuk terlibat dengan kegiatan ‘vaping’. Tambahan pula, kegiatan ini dikatakan sebagai sesuatu yang bergaya dan menarik perhatian kerana ianya disertai dengan kepelbagaiannya jenis perasa yang digunakan bersama peranti *vape*. Pada tahun 2014, kajian oleh *National Youth Tobacco Survey* (NYTS) telah melaporkan *vape* atau rokok elektronik

merupakan produk tembakau yang paling biasa digunakan dalam kalangan pelajar sekolah menengah (3.9 peratus) dan sekolah tinggi (13.4 peratus) (Arrazola, et al. 2015). Satu kajian pada tahun 2016 mendapati bahawa majoriti pengguna *vape* yang menjadi responden kajian adalah golongan belia dimana 39 peratus adalah pelajar dan 36 peratus adalah pekerja. Menurut *US Department of Health and Human Services* (2014), penggunaan dan ketagihan terhadap produk tembakau paling kerap bermula semasa remaja. Dalam kajian Yuan et al. (2015) menunjukkan pendedahan otak kepada nikotin semasa remaja amat berbahaya kerana zaman remaja adalah peringkat kritis perkembangan otak dan berisiko untuk mencuba bahan-bahan terlarang yang menjurus kepada penyalahgunaan dadah. Menurut Kobus (2003) golongan remaja paling mudah terpengaruh dengan aktiviti merokok. Di fasa ini remaja mempunyai rasa ingin tahu sebagaimana yang dibuktikan dalam kajian lepas, seseorang remaja akan mempunyai sifat keinginan yang tinggi untuk mencuba dan akhirnya menjadikan mereka sebagai seorang perokok tegar (Johnston et al. 2001). Hal ini telah dikaitkan dalam kajian yang dijalankan oleh England et al. (2015) iaitu kajian sains mendapati otak remaja lebih sensitif berbanding orang dewasa dan ini menyebabkan mereka lebih mudah mengalami ketagihan nikotin. Tingkah laku merokok sama ada rokok konvensional mahupun rokok elektronik dianggap sebagai tingkah laku negatif yang boleh memberi impak kepada setiap peringkat terutamanya dari sudut kesihatan. Menurut Mahmood (2001), tingkah laku yang negatif seperti merokok dipengaruhi daripada persekitaran seperti ibu bapa, rakan sebaya, komuniti setempat dan juga media massa. Selain itu, kajian lepas juga lebih mengkhususkan kepada mahasiswa universiti.

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk meneroka penggunaan rokok elektronik dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Muadzam Jaya dan objektif khusus kajian ini adalah untuk mengkaji faktor penggunaan rokok elektronik dalam kalangan pelajar.

## 2. Tinjauan Literatur

### 2.1 Faktor Penggunaan Rokok Elektronik

Menurut Ahmad (2004), isu penggunaan rokok ini amat membimbangkan kerana pihak kerajaan menyedari bahawa sebahagian perokok di Malaysia adalah daripada golongan remaja yang berumur 13 hingga 21 tahun. Pembentukan tabiat atau kebiasaan adalah disebabkan wujudnya sistem sosial iaitu aktiviti manusia berinteraksi, berhubung dan bergaul antara satu sama lain (Koentjaraningrat 1986). Hal ini disokong oleh Sarwono (1993) yang menyatakan tingkah laku merupakan sesuatu yang nyata dan sesuatu yang dilakukan oleh seseorang individu dengan individu lain. Tingkah laku juga dikatakan sebagai sesuatu yang konkret yang boleh diperhatikan, direkod dan dipelajari (Morgan 1986). Dalam kajian Komasari (2000) ada menjelaskan tentang penelitian terhadap tiga faktor yang menyebabkan seseorang remaja itu merokok iaitu kepuasan dari sudut psikologi, sikap ibu bapa yang bersifat terbuka terhadap tingkah laku merokok dan pengaruh rakan sebaya.

Sekolah merupakan salah satu tempat di mana pelajar saling berinteraksi dan bergaul antara satu sama lain serta membentuk satu kumpulan kecil yang akan membawa pengaruh sama ada positif atau negatif. Menurut Mustafa Fahmi (1971), remaja lebih cenderung untuk mengikuti tingkah laku kumpulan yang juga berada dalam kumpulan yang sama. Perkara ini turut dibincangkan oleh Mansur et al. (1988) di

mana para remaja akan mempelajari satu tingkah laku baru yang cuba diserap dan disesuaikan dengan personalitinya dengan mencontohi rakan sebayanya. Menurut Charlton et al (2004), merokok merupakan salah satu cara untuk seseorang terutamanya remaja untuk bergaul dan berkawan. Jadi, tidak dapat disangkal lagi bahawa pengaruh rakan sebaya merupakan salah satu faktor penggunaan rokok elektronik dalam kalangan pelajar. Selain itu, terdapat beberapa faktor penggunaan rokok elektronik antaranya adalah faktor pengaruh ibu bapa. Kajian dari Finland (Kinunnen et al. 2013) menunjukkan sikap ibu bapa antara salah satu faktor yang mendorong kepada penggunaan rokok elektronik.

Tingkah laku merokok dalam kalangan remaja secara umumnya semakin meningkat mengikut tahap perkembangan usia di mana keinginan untuk mencuba itu juga semakin meningkat. Ianya menyebabkan mereka mengalami kebergantungan nikotin. Nikotin dapat menimbulkan ketagihan sama ada terhadap perokok aktif maupun perokok pasif. Oleh itu, dari aspek biologinya, penggunaan bahan yang mengandungi nikotin akan memberikan nikmat serta membuatkan para pengguna untuk menggunakan nikotin dengan kadar yang tinggi untuk mencapai kepuasan dan ketagihan yang dialami (Mukuan, 2012). Dalam kajian Wulan (2012), antara faktor terbesar yang mendorong remaja untuk merokok adalah faktor rasa ingin tahu yang ada dalam diri remaja. Kemudian faktor kedua yang berada dalam lingkungan utama adalah pengaruh rakan sebaya yang merokok. Tarikan daripada rakan sebaya semasa remaja merupakan antara tarikan yang kuat salah satunya dalam pembentukan tingkah laku merokok dalam kalangan remaja. Bukan itu sahaja, pengaruh orang sekeliling dan orang terdekat juga mendorong ke arah tingkah laku merokok antaranya meniru tingkah laku orang tua iaitu bapa yang merokok serta saudara kandung yang merokok untuk mendapatkan imej kedewasaan yang dikatakan ingin terlihat dewasa dan bergaya.

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 Tatacara Pengumpulan Data**

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk melakukan pendekatan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaiannya kaedah secara terfokus, termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek (Denzin & Lincoln 1994). Menurut Cresswell (1994) penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Secara umumnya, penyelidikan bertujuan untuk meneroka dan memahami sesuatu fenomena dengan mendalam (Merriam 1998).

Melalui kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan reka bentuk fenomenologi untuk mengkaji dan meneroka dengan lebih mendalam berkaitan pengalaman remaja yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dalam kegiatan menghisap rokok elektronik. Reka bentuk fenomenologi adalah satu bentuk kajian yang memahami asas kepada sesuatu pengalaman yang dihadapi oleh seseorang individu. Menurut Moleong (2001) bahawa pengkaji dalam pandangan fenomenologi berusaha memahami erti peristiwa dan perkaitannya terhadap orang-orang yang berada dalam situasi-situasi tertentu. Kajian ini tertumpu kepada hasil dapatan daripada temu bual. Kajian ini amat penting bagi memahami serta menelusuri sesuatu permasalahan atau isu dengan lebih mendalam (Creswell 2007). Temu bual dalam kajian kualitatif diakui

mempunyai banyak kelebihan dari segi kedalaman kajian yang dikaji (Silverman 2009). Kebanyakan kaedah dalam kajian yang berbentuk kualitatif ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini merupakan salah satu usaha bagi mendapatkan maklumat langsung daripada informan berkenaan penglibatan mereka dalam penggunaan rokok elektronik. Selain itu, kaedah temu bual ini juga mampu dirujuk sebagai triangulasi yang bertujuan untuk mengesahkan data atau maklumat yang diperoleh.

Kebenaran untuk menjalankan kajian terhadap pelajar sekolah ini dimohon melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang serta kebenaran daripada pihak sekolah untuk menjalankan kajian. Setelah diluluskan, penetapan tarikh pengumpulan data dan tempoh pengumpulan data dilaksanakan oleh penyelidik.

Pengkaji terlebih dahulu mendapatkan persetujuan termaklum daripada ibu bapa informan dan informan bagi kebenaran mengumpul data kajian. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual mendalam. Temu bual dijalankan setelah informan bersetuju untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan berkenaan penggunaan rokok elektronik. Pengkaji telah menerangkan dengan jelas berkenaan sesi temu bual yang dijalankan serta etika yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak termasuk kerahsiaan maklumat yang bakal diberikan oleh informan. Informan juga telah dimaklumkan berkenaan rakaman yang akan dibuat sepanjang sesi temu bual berlangsung dan persetujuan harus dipenuhi oleh responden sebelum sesi temu bual dijalankan. Pengkaji tidak menetapkan sebarang had masa bagi sesi temu bual yang dijalankan.

Selanjutnya, semasa temu bual berlangsung, pengkaji terlebih dahulu akan menerangkan fokus kajian yang ingin dijalankan supaya informan lebih memahami dan mampu menjawab soalan-soalan selari dengan apa yang diingini oleh kajian. Temu bual telah dirakam dan data tersebut dianalisis untuk difahami dengan lebih mendalam. Protokol-protokol kajian yang ditetapkan dipatuhi sepanjang sesi temu bual dijalankan.

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Muadzam Jaya, kawasan Muadzam Shah yang terletak di daerah Rompin, iaitu di negeri Pahang Darul Makmur dan sampel kajian adalah pelajar tingkatan 4.

### **3.2      *Analisis Data***

Dalam kertas kerja ini, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis tematik bagi menganalisis data. Hal ini kerana Braun dan Clarke (2014) berpandangan bahawa analisis tematik adalah analisis asas yang merupakan kaedah yang fleksibel dalam membuat analisis data. Menurut Arnold (2006), analisis tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak atau tema yang mendalam dalam sesuatu data. Pendekatan tematik ialah proses yang digunakan dalam memproses maklumat yang bersifat kualitatif yang bertujuan untuk memahami sesuatu fenomena.

Data dianalisis menggunakan teknik verbatim bagi menghasilkan transkripsi temu bual yang sebenar sebelum analisis data dilakukan dengan lebih lanjut. Hal ini kerana setiap informan berbeza mampu memberikan makna yang berbeza-beza daripada soalan yang dikemukakan. Setiap transkrip yang telah lengkap akan disemak terlebih dahulu sebelum pengkaji membahagikan transkrip tersebut kepada tema-tema tertentu berdasarkan analisis tematik hasil daripada temu bual.

Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai pada tahap ketepuan data berlaku. Tahap ketepuan data adalah keadaan di mana tidak terdapat tema baru muncul

dan teori yang dihasilkan dari data yang diperolehi adalah sama. Apabila data didapati telah tepu, pengkaji menamatkan proses mengumpul data (Glesne & Peshkin 1992)

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 Data Profil Informan

Dalam kajian ini pengkaji telah melaksanakan kajian terhadap tiga orang informan. Data profil berkenaan responden ini diperoleh berdasarkan temu bual yang telah dijalankan. Beberapa etika dipatuhi sepanjang menjalankan temu bual dan butiran maklumat temu bual serta rakaman tidak didedahkan melainkan hanya untuk tujuan kajian.

Informan	Jantina	Umur	Tempoh penglibatan
1	Lelaki	16	>2 tahun
2	Lelaki	16	>2 tahun
3	Lelaki	16	>2 tahun

Jadual 1: Profil Informan

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa terdapat 3 orang informan yang telah ditemu bual. Ketiga-tiga informan berumur berumur 16 tahun iaitu tingkatan empat dan berpengalaman dalam penggunaan rokok elektronik selama lebih dari 2 tahun.

##### 4.2 Faktor Penggunaan Rokok Elektronik

Hasil analisis tematik menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan rokok elektronik dalam kalangan informan iaitu pengaruh rakan, pengaruh keluarga, gaya penampilan yang menarik, tekanan perhubungan, kepelbagaiannya perisa menarik, ketenangan jangka masa pendek, kebergantungan terhadap rokok elektronik dan kurang kesedaran.

###### Pengaruh Rakan

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan bersama informan, pengkaji mendapati bahawa pengalaman menghisap rokok elektronik bagi setiap informan adalah berbeza-beza. Hampir setiap informan mula terlibat dalam rokok elektronik disebabkan oleh pengaruh rakan yang lebih tua.

*“Member pula belaka jenis hisap vape semua tu kita jadi nak try pastu kita pun ter try la”*

(Informan 1)

*“ Saya jenis suka kawan dengan orang lagi tua daripada saya sebab tu saya lagi berminat nak hisap benda macam gitu”*

(Informan 2)

*“ Kalau yang betul betul hisap la darjah 6 sebab darjah 6 pun dah berkawan dengan orang besar belaka”*

(Informan 3)

Mengikut hasil temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati kesemua bilangan informan sememangnya mula menghisap rokok elektronik disebabkan oleh pengaruh rakan yang lebih tua.

Hal ini disokong oleh Teori Ekologi Manusia yang diperkenalkan oleh Bronfenbrenner di mana tingkah laku dipengaruhi oleh hubungan dengan rakan sebaya. Kajian juga membuktikan pengaruh rakan boleh bersifat positif dan negatif, justeru itu mampu mengubah tingkah laku serentak dengan perkembangan semasa. Oleh hal yang demikian sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa rakan sebaya dianggap sebagai pengganti keluarga serta merupakan satu mekanisme peralihan hidup dari zaman kanak-kanak ke alam belia dan dewasa. Menurut Tome et. al (2012), rakan sebaya memberikan lebih banyak pengaruh negatif, devian dan juga tindakan yang agresif berbanding pengaruh positif.

#### Pengaruh keluarga

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa selain pengaruh rakan yang lebih tua, pengaruh keluarga juga antara pengaruh yang menimbulkan rasa ingin tahu dalam kalangan informan. Ini dibuktikan melalui temu bual bersama informan 1 dan 2.

*“Memang dah kenal sebab pakcik dah ada, ayah pun ada. Sebab ayah ni kaki hisap mushroom juga dulu”*

(Informan 1)

*“family saya ramai, macam atuk saya pak sedara semua hisap rokok hisap vape. Jadi macam saya pun nak rasa benda tu”*

(Informan 2)

#### Gaya Penampilan yang Menarik

Bukan itu sahaja, tidak dapat dinafikan terdapat juga informan yang menyatakan bahawa salah satu sebab penggunaan rokok elektronik adalah untuk menampilkan gaya yang menarik. Ini dapat dibuktikan melalui temu bual bersama informan 2.

*“macam ada sesetengah orang bila dia hisap vape ni dia rasa style la gempak la”*

(Informan 2)

#### Tekanan Perhubungan

Sementara itu, ketiga-tiga informan turut menjelaskan bahawa terdapat tekanan dalaman yang menjadi sebab mereka menghisap rokok elektronik. Antara tekanan dalaman yang dijelaskan oleh informan 1, 2 dan 3 adalah masalah keluarga yang mereka hadapi manakala masalah cinta juga dijelaskan oleh informan 1 semasa temu bual.

*“kadang mak saya ni dia macam bagi ayat yang buat saya down macam saya ni tak berguna. Saya jadi down la sebab tu saya ambil benda benda macam ni”*

(Informan 2)

*“Ada yang lagi teruk sampai mata Bengkak sebab masalah putus cinta”*

(Informan 1)

*“masalah family tu ayah je la bercerai so dia macam kurang kasih sayang so ambil lah”*

(Informan 1)

*“Masa tu memang teruk la family gaduh, saya pun jarang ada rumah masa tu sebab hari hari gaduh”*

*“stres juga la. Dah la duduk rumah pun, keluar pula macam tu, jadi macam takde hala tuju”*

(Informan 3)

Daripada kenyataan berikut jelas menunjukkan tekanan merupakan faktor yang mendorong informan untuk terlibat dalam penggunaan rokok elektronik. Menurut Dian et al (2000), antara faktor seseorang itu merokok adalah kerana mengalami tekanan dalam kehidupan mereka.

#### Kepelbagaiannya Perisa Menarik

Seterusnya, hasil temu bual mendapati antara tarikan yang menyebabkan penggunaan rokok elektronik adalah disebabkan oleh kepelbagaiannya perisa yang menarik. Ketiga-tiga informan menjelaskan tentang persepsi mereka apabila mula mencuba rokok elektronik buat kali pertama.

*“mula mula saya start tu saya start dengan flavour mango, dia jadi macam “sting” sikit la”*

(Informan 1)

*“saya try flavour grape. Sedap je rasa dia, sejuk je”*

(Informan 2)

*“vape ni saya try kawan saya punya, bila hisap tu rasa eh sedap la nak lagi la”*

(Informan 2)

*“saya suka yang fruity macam mangga dengan strawberry yang tu sedap”*

(Informan 3)

#### Ketenangan Jangka Masa Pendek

Walau bagaimanapun, mengikut hasil temu bual bersama informan, antara faktor penggunaan rokok elektronik adalah mereka menganggap ianya sebagai alternatif memberi mereka ketenangan jangka masa pendek. Antaranya adalah untuk menghilangkan stres dan menghilangkan rasa bosan. Ini dapat dibuktikan melalui temu bual bersama informan 2 dan 3.

*“memang jarang hisap vape, tapi kalau bosan tu hisap la vape tu”*

(Informan 3)

*“kadang kalau saya stress sangat, keluar dari rumah saya akan hisap”*

(Informan 2)

Daripada kenyataan berikut, faktor yang mendorong informan untuk menggunakan rokok elektronik adalah untuk mendapatkan ketenangan jangka masa pendek. Kenyataan ini disokong oleh Griesar et al (2002) yang menyatakan bahawa dengan menghisap rokok, ketenangan akan diperoleh dan ia membantu mengurangkannya dalam tempoh jangka masa pendek.

#### Kebergantungan Terhadap Rokok Elektronik

Kemudian, informan 2 dan 3 juga ada menjelaskan tentang kebergantungan mereka terhadap rokok elektronik sehingga boleh menyebabkan perubahan emosi dan melalui proses untuk berhenti yang lebih mencabar.

*“saya macam kalau tak dapat saya boleh jadi stress, panas baran jadi macam pemarah macam tu la”*

(Informan 2)

*“nak juga berhenti rokok dengan vape ni tapi susah, bila takde tu dia rasa macam nak dan nak pastu bila ada orang hulur terus ambil”*

(Informan 3)

#### Kurang Kesedaran

Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa penggunaan rokok elektronik juga disebabkan oleh kesedaran informan berkenaan rokok elektronik masih belum kukuh di mana informan 1 menyatakan bahawa informan tahu tentang bahaya rokok elektronik tetapi informan masih bertindak seperti biasa manakala informan 2 menyatakan bahawa pada pandangannya rokok elektronik dan rokok konvensional sama sahaja.

*“tahu, tapi tulah buat macam biasa jelah sebab kita yang nak try”*

(Informan 1)

“bagi saya, sebenarnya dua dua tu sama je bahaya”

(Informan 2)

“saya pula jenis degil, buat tak tahu je pastu mak saya pun dah fedup”

(Informan 3)

Hasil kajian ini, pengkaji membuat kesimpulan sememangnya diakui bahawa terdapat banyak faktor yang menyebabkan mereka terlibat dalam penggunaan rokok elektronik iaitu pengaruh rakan dan pengaruh keluarga. Selain itu, gaya penampilan menarik dan tekanan perhubungan iaitu masalah keluarga, masalah putus cinta seperti yang dinyatakan oleh informan. Bukan itu sahaja, kepelbagaiannya perisa menarik, ketenangan jangka masa pendek, kebergantungan dan kesedaran yang kurang yang menjadi faktor yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam penggunaan rokok elektronik.

## 5. Rumusan

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan bersama informan, pengkaji menyimpulkan bahawa dalam konteks ini, penglibatan pelajar dalam penggunaan rokok elektronik juga sama dengan tingkah laku merokok iaitu aktiviti negatif yang memberi kesan bukan sahaja terhadap individu, malah keluarga dan masyarakat. Pelbagai langkah telah dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memastikan remaja di Malaysia terhindar daripada aktiviti negatif dan memilih untuk menjalankan gaya hidup yang lebih sihat.

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini diharap akan dapat membantu pihak kementerian pendidikan dan pihak sekolah dalam mengenal pasti punca kepada amalan penggunaan rokok elektronik dalam kalangan pelajar sekolah. Ini penting kerana pengkaji percaya bahawa sekiranya tingkah laku menggunakan rokok elektronik ini tidak dibendung dengan segera maka ia hanya boleh memberi kesan kepada masa depan negara.

## Rujukan

- Abdullah, M. M. & Tamin, S. N. M. (1988). *Psikologi remaja*. Fajar Bakti.
- Ariffin, H. D. F., Kassim, M. a. A. & Mazhisham, P. H. (2019). Hubungan antara Gaya Hidup dengan Prestasi Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: The Relationship between Lifestyle and Academic Achievement among Students in Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Journal of Management and Muamalah* 9(2): 17-26.
- Aritonang, M. E. R. (1997). Fenomena Wanita Merokok. Skripsi (Tidak diterbitkan) Yogyakarta: Fakultas Psikologi UGM.

- Astoni, M.A; M. Zulkarnaen. (1999). Pengetahuan, Sikap dan Perilaku Merokok serta Prevalensi Perokok pada Remaja di Kelurahan Marianan Kecamatan Banyuasin I Kabupaten Musi Banyuasin. *Jurnal Kedokteran Universitas Sriwijaya*.
- Auskarni, A. (2021). Pengaruh Gaya Hidup Dan Konsep Diri Terhadap Perilaku Konsumtif Pada Mahasiswa Fakultas Ekonomi Universitas Negeri Makassar. Universitas Negeri Makassar
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. New Jersey:Prentice Hall.Inc.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bunnell, R. E., Agaku, I. T., Arrazola, R. A., Apelberg, B. J., Caraballo, R. S., Corey, C. G., Coleman, B. N., Dube, S. R., & King, B. A. (2015). Intentions to smoke cigarettes among never-smoking US middle and high school electronic cigarette users: National Youth Tobacco Survey, 2011-2013. *Nicotine & tobacco research : official journal of the Society for Research on Nicotine and Tobacco*, 17(2), 228–235. <https://doi.org/10.1093/ntr/ntu166>
- Chaney, D. (2018). *Lifestyles*: sebuah pengantar komprehensif.
- Cynthia, C.C. & Vanessa, V. (2018). Knowledge of school resource officer roles and their perceptions on school social works roles (Dissertation for Master of Social Work).
- Daftary, A. & Ashley, M. M. (2020). Prioritizing school social workers roles and responsibilities to combat oppressionin K-12 schools: perspectives from educators with anti-oppressive orientations. *International Journal of School Social Work*, 5(2), 1-14.
- Dian, K. & Avin, F. H. (2000). Faktor-Faktor Penyebab Perilaku Merokok Pada Remaja. *Jurnal Psikologi*. 1: 37 – 47.
- Erikson, E. (1956). The Problem Of Ego Identity. *Journal of the American Psychoanalytic Association* , 4, 56-121.
- Erikson, F. (1968). *Identity, Youth and Crisis*. New York: W. W. Norton.
- Fikriyah, S., & Febrijanto, Y. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi perilaku merokok pada mahasiswa laki-laki di asrama putra. *Jurnal stikes*, 5(1), 99-109.
- Griesar, W.S., Zajdel, D.P. & Oken, B.S. (2002). Nicotine effects on alertness and spatial attention in non-smokers. *Nicotine & Tobacco Research*, 4(2): 185-194.
- Glesne, C., & Peshkin. (1992). *Becoming qualitative researchers: An introduction*. White Plains, NY: Longman.
- Kinnunen, J. M., Ollila, H., El-Amin, S. E. T., Pere, L. A., Lindfors, P. L., & Rimpelä, A. H. (2015). Awareness and determinants of electronic cigarette use among Finnish adolescents in 2013: a population-based study. *Tobacco control*, 24(e4), e264-e270.

- Komasari, D. & Helmi, A. F. (2000). Faktor-faktor penyebab perilaku merokok pada remaja. *Jurnal psikologi* 27(1): 37-47.
- Lazuardi, A. I. (2017). Gaya Hidup Penggunaan Vape (Studi Deskriptif Pada Mahasiswa Universitas Airlangga Kampus B). Universitas Airlangga.
- Mahmood, N.M. (2001). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mukuan, S. E. (2012). Hubungan antara pengetahuan dan sikap tentang bahaya merokok bagi kesehatan dengan tindakan merokok pelajar SMK Kristen Kawangkoan. [http://fkm.unsrat.ac.id/wp\\_content/.../journal\\_eugiana.doc](http://fkm.unsrat.ac.id/wp_content/.../journal_eugiana.doc)
- Pawanti, M. H. (2013). Masyarakat Konsumen Menurut Konsep Pemikiran Jean Baudrillard. Depok: Universitas Indonesia US Department of Health and Human Services. The health consequences of smoking—50 years of progress. Atlanta, GA: US Department of Health and Human Services, CDC; 2014.
- Primack, B. A., Soneji, S., Stoolmiller, M., Fine, M. J., & Sargent, J. D. (2015). Progression to Traditional Cigarette Smoking After Electronic Cigarette Use Among US Adolescents and Young Adults. *JAMA pediatrics*, 169(11), 1018–1023. <https://doi.org/10.1001/jamapediatrics.2015.1742>
- Sarwono, S. (1993). *Teori-Teori Psikologi Sosial*. Jakarta:Rajawali
- Tomé, G., Matos, M. G., Simões, C., Camacho, I., & Diniz, J. A. (2012). How Can Peer Group Influence the Behavior of Adolescents: Explanatory Model. *Global Journal of Health Science*. 4(2):26–35. doi:10.5539/gjhs. V 4n2p26
- Wulan, D. K. (2012). *Faktor psikologis yang mempengaruhi perilaku merokok pada remaja*. *Humaniora* 3(2): 504-511.
- West, D., & Heath, D. (2011). Theoretical pathways to the future: globalization, ICT and social work theory and practice. *Journal of Social Work*, 11(2), 209-221.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research*. 3rd Ed. London: Sage Publications
- Zastrow, C. (2014). *Introduction to social work and social welfare*. Brooks/ColeEmpowerment Series: Cengage Learning